



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 5/1976**

**Denda Bayaran Setem Di Bawah Seksyen 47a Akta Setem 1949
(Disemak 2007)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 5/1976
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 5/1976

Denda Bayaran Setem Di Bawah Seksyen 47A Akta Setem 1949 (Disemak 2007)

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihatkan Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengenai tanggungan membayar denda di bawah seksyen 47A Akta Setem 1949 (Akta 378).

2. Persoalan yang timbul adalah sama ada seseorang individu bertanggungjawab membayar denda di bawah subseksyen 47(1) Akta Setem 1949 bagi bayaran tambahan yang wujud selepas permohonan pentaksiran cukai setem (*application for adjudication*) di bawah subseksyen 36(1) Akta tersebut. Dalam perkara ini Peguam Negara telah menasihatkan bahawa seksyen 36 Akta Setem 1949 tidak mengecualikan mana-mana individu daripada tanggungan membayar denda di bawah subseksyen 47A(1) Akta Setem 1949 ataupun daripada apa jua denda-denda dan tanggungan-tanggungan yang diperuntukkan dalam undang-undang tersebut. Walau bagaimanapun, Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah diminta merujuk kepada peruntukan subseksyen 47A(2) Akta Setem 1949 yang membolehkan Pemungut Cukai Setem mengecualikan atau mengurangkan bayaran denda.
3. Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan bayaran denda di bawah seksyen 47A Akta Setem 1949 hendaklah dikenakan bagi tiap-tiap kes walaupun suratcara itu tertakluk kepada suatu permohonan pentaksiran cukai setem (*application for adjudication*) di bawah seksyen 36 Akta Setem 1949.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan